

# Tiada alasan abai pelajaran anak

Ibu bapa digesa tekankan kepentingan pendidikan walau dilanda masalah keluarga

**KELANANG** - Penekanan dalam memastikan pendidikan anak-anak perlu diutamakan walaupun terdapat pelbagai kekangan hidup atau masalah yang berlaku dalam sesebuah keluarga.

Pengerusi Majlis Pembangunan Parlimen Kuala Langat, Datuk Sulaiman Mohd Karli berkata, beliau telah mendekati pelbagai keluarga yang berdepan dengan pelbagai masalah namun pendidikan anak-anak sering menjadi topik utama dalam kunjungannya.

Menurutnya, sempena tahun baharu juga beliau mahu keluarga yang berdepan dengan pelbagai kekangan hidup dapat bangkit memberi penekanan dalam aspek pendidikan anak-anak.

"Saya tak nak dengar ada lagi anak-anak masih tercicir



Sulaiman (berdiri, tengah) bergambar bersama sebahagian warga Kemas yang berkumpul di Pantai Kelanang.

tak pergi sekolah sedangkan pelbagai kemudahan disediakan.

"Setakat ini apa sahaja bantuan pendidikan dah kita salurkan, cuma peranan ibu bapa bila dah ada masalah sering abaikan anak-anak,

tak hantar mereka ke sekolah," katanya selepas menghadiri perjumpaan bersama warga Kemas Kuala Langat di Pantai Kelanang.

Sulaiman berkata, selepas ini beliau akan memastikan mana-mana anak yang ter-

cicir daripada pendidikan dapat dibantu dengan menyalurkan masalah kepada agensi berkaitan.

Katanya, beliau yakin usaha ini sedikit sebanyak membantu setiap keluarga yang berdepan masalah merasai sokongan da-

ripada masyarakat.

"Bagaimanapun, jangan pula lepas dibantu nanti, ada masalah lain timbul atau tak buat permohonan susulan kepada kita.

"Masalah ini boleh mengganggu proses jika ibu bapa

sendiri tak beri kerjasama tetapi buat masa ini mana-mana keluarga yang mempunyai masalah seperti ini kita dah selesaikan," katanya.

Dalam pada itu, mengulas mengenai perjumpaan Kemas katanya, beliau turut gembira apabila inisiatif pihak Kemas membuat aktiviti kemasyarakatan bersama guru-guru pelatih Kemas dari seluruh negeri.

"Aktiviti seperti tinggal di rumah keluarga angkat yang dijalankan membantu peserta melihat kehidupan sebenar suasana di kampung.

"Jabatan kerajaan kini pun saya lihat sudah peka dengan aktiviti kemasyarakatan di mana saling membuat perjumpaan bagi mengeratkan hubungan kekeluargaan," katanya.